

Cetakan Pertama / First Printing Disember 2003

© Hakcipta / Copyright Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003

Hakcipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran daripada Pusat Pengajian Umum terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Pusat Pengajian Umum.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

ISBN No. 983-9122-06-1

Rekabentuk Kulit oleh / Cover design by
Hamdzun Haron

Diterbitkan oleh / Published by

PUSAT PENGAJIAN UMUM
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 BANGI

Dicetak oleh / Printed by

FULSON TRADING CO.
No.2102 & 2102A Ground & First Floor
Jln. BS 7/5 Kawasan Perindustrian
Bkt. Serdang, 43300 Seri Kembangan
Selangor, Darul Ehsan.

- 2 APR 2004

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
APB 01132396

M

909.097671

TAM

TAMADUN ISLAM DAN KENEGARAAN MALAYSIA A

KANDUNGAN MUKASURAT

1.	Pengenalan dan Prinsip Tamadun Islam	... 1
2.	Sumber-sumber Tamadun Islam	... 17
	- Al-Quran	
	- Hadis	
	- Sumber-sumber lain	
3.	Sirah Rasul dan Khulafa Al-Rasyidin Sebagai Model Tamadun Islam	... 45
4.	Tamadun Islam Selepas Zaman Khulafa Al-Rasyidin	... 65
5.	Hubungan Manusia Dengan Allah dan Alam	... 83
6.	Ibadah Dalam Islam	... 103
7.	Akhlag Dalam Islam	... 111
8.	Prinsip Kemasyarakatan	... 121
9.	Kedudukan Wanita Dalam Islam	... 137
10.	Sistem Kekeluargaan Islam	... 153
11.	Konsep Pembangunan Islam	... 175
12.	Konsep Ekonomi Islam	... 195
13.	Institusi-institusi Ekonomi Islam	... 211
14.	Jihad Ekonomi	... 225
15.	Falsafah Perundangan Islam	... 239
16.	Asas Perundangan Islam	... 253
17.	Konsep Pertahanan	... 267
18.	Nilai-nilai Islam Dalam Pentadbiran dan Kepimpinan	... 279
19.	Islam dan Masyarakat Majmuk	... 301

KATA PENGANTAR

Segala pujian hanya bagi Allah, Pencipta seluruh alam. Selawat dan salam atas Nabi Muhammad s.a.w. dan ahli keluarga serta para sahabat dan pengikutnya.

Buku ini mengandungi tajuk-tajuk yang dikuliahkan dalam kursus Tamadun Islam dan Kenegaraan Malaysia 'A'. Kursus tersebut adalah bersesuaian dengan cadangan Kementerian Pendidikan Malaysia, berdasarkan syor yang dikemukakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad. Melalui kursus ini, Universiti dapat memperkenalkan kepada para mahasiswa, sama ada muslim ataupun bukan muslim, tentang Islam dan ketamadunannya. Antara perkara yang dibincangkan dalam kursus ini adalah nilai, ciri dan prinsip Islam yang bersifat sejagat serta boleh diterima akal untuk dipraktikkan dalam kehidupan manusia.

Sebagai sebuah negara yang sedang bergerak maju serta penuh dengan kepelbagaian dalam masyarakatnya, Malaysia sangat perlu kepada suatu sistem hidup yang memiliki nilai-nilai sejagat, sederhana dan progresif, serta dapat diterima dengan baik oleh semua pihak.

Kursus ini juga menyediakan beberapa pengetahuan asas yang dapat membantu ke arah pembentukan sahsiah dan jati diri para mahasiswa sebagai warganegara Malaysia, selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara. Hasrat murni tersebut turut didokong oleh Falsafah Universiti Kebangsaan Malaysia iaitu:

"Paduan antara iman kepada Allah dan ilmu yang bermanfaat serta gabungan antara teori dan amal, adalah dasar utama bagi perkembangan ilmu, proses pembinaan masyarakat terpelajar dan pembangunan Universiti".

Setinggi penghargaan dirakamkan untuk para penulis dan semua pihak yang telah bertungkus lumus menyediakan buku ini. Semoga Allah s.w.t. memberkati segala usaha yang telah dicurahkan.

Terima kasih.

PROF. MADYA DR. ABDUL LATIF SAMIAN

Pengarah
Pusat Pengajian Umum
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi Selangor.

1 Disember 2003

PENGENALAN TAMADUN ISLAM

Mohamad Taha

PENDAHULUAN

Tidak diragui bahawa kajian khusus tentang tamadun pertama kali dilakukan pada kurun ke 14M oleh Ibn Khaldun di dalam bukunya *al-Muqaddimah li Kitab al-'Ibar*, di mana beliau menggunakan perkataan 'umran' sebagai merujuk kepada 'tamadun' yang kita fahami sekarang. Di Eropah, perkataan *civilization*¹ hanya mula diungkapkan pada abad ke 18M dan mula digunakan di dalam penulisan pada kurun ke 19M. Sebelum kurun ke 19M, tiada bukti yang jelas menunjukkan bahawa para penulis Barat mempunyai pemahaman yang tepat tentang maksud *civilization*.² Di dalam tulisan-tulisan Arab perkataan-perkataan *hadarah*, *madaniyyah*, *thaqafah* dan *bunyan* juga digunakan, tetapi perkataan *tamaddun* lebih popular dan meluas digunakan di dalam dunia Islam.

ETIMOLOGI PERKATAAN TAMADUN

Istilah tamadun berasal dari perkataan Arab *tamaddun* yang berakar umbi dari perkataan *maddana* yang bererti: 'Membangunkan atau memajukan [bandar]', misalnya di dalam ungkapan "Dia membangunkan bandar". 'Menjadikan atau mengubah [seseorang yang berkelakuan 'kekampungan'] kepada berkelakuan 'kebandaran' atau 'kepekaan', misalnya di dalam ungkapan "Dia menjadikan budak itu berkelakuan seperti orang pekan".

Tamaddun juga boleh dikatakan berpunca dari perkataan *madana* yang bererti: 'Menduduki sesuatu tempat', atau 'datang menduduki sesuatu bandar'. 'Berkelakuan seperti orang pekan atau bandar', atau 'halus budipekertinya', misalnya di dalam ungkapan "Dia berkelakuan seperti orang pekan atau bandar", atau "Dia itu halus budi pekertinya". 'Kampung' dan 'pekan' tersebut dapat dilihat dengan jelas di dalam konteks masyarakat Arab lama, di mana orang kampung, badwi, biasanya kasar, dan orang pekan atau bandar bersopan santun.

Perlu juga disebut bahawa dari perkataan *madana* jugalah datangnya perkataan *madinah* (jamaknya, *mudun*) yang bermakna bandar. Perkataan *modern* juga mempunyai kaitan dengan perkataan-perkataan ini.

PENGERTIAN TAMADUN DAN CIRI-CIRI UTAMA:

Dari huraian di atas ternyata tamadun pada dasarnya, berkaitan dengan kebendaan, seperti pembangunan bandar dan kerohanian, seperti, pembangunan akhlak. Oleh itu tamadun dalam pengertian yang mudah ialah kemajuan jasmani atau fizikal dan rohani iaitu dalam bentuk abstrak.